



YAYASAN ISLAM KELANTAN

PEKELILING YAYASAN ISLAM KELANTAN BILANGAN 6 TAHUN 2019

PERATURAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan Bilangan 2 Tahun 2019 telah bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling Am (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2012 dan Surat Pekeliling Am (Persekutuan) Bilangan 1 Tahun 2014 untuk Anggota Awam Yayasan Islam Kelantan dengan pindaan kuasa melulus ialah Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Surat Pekeliling Am (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2012 dan Surat Pekeliling Am (Persekutuan) Bilangan 1 Tahun 2014 untuk panduan dan tindakan dan Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.

(HAJI TENGKU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)

Pengarah

Yayasan Islam Kelantan

No.Fail:YIK100/1/1-10/2(15)

Pejabat Yayasan Islam Kelantan

Peti Surat 248,15730, Kota Bharu, Kelantan.

Tarikh: 16 Muharram 1441H

23hb. September 2019

Kepada :

Pengetua /Syeikh /Guru Besar

Kolej /Maahad/Pusat Pengajian Pondok

Tadika Tengku Anis

Yayasan Islam Kelantan

Salinan Kepada:

Timbalan Pengarah (Pengurusan)

Timbalan Pengarah (Sekolah)

Timbalan Pengarah (Akademik)

Timbalan Pengarah (Kenaziran)

Semua Penolong Pengarah



**JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3904
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Rujukan Kami : JPM (S) 100-2/1/1(1)

Tarikh : 8 Januari 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2014

**PINDAAN SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2012
PERATURAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM KE LUAR NEGARA ATAS
URUSAN PERSENDIRIAN**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan terhadap Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 mengenai peraturan perjalanan pegawai awam ke luar negara atas urusan persendirian.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 (SPA Bil 3/2012) di para 7 telah menetapkan peraturan seperti berikut:

*"7. Pegawai yang sering berulang alik ke luar negara jiran yang bersempadanan dengan Malaysia kerana urusan persendirian juga perlu membuat permohonan melalui borang Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 1** dan borang Pengisytiharan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 2**. Pegawai Pelulus boleh dengan budi bicara memberi kelulusan menyeluruh (blanket approval) untuk tempoh satu (1) tahun mulai tarikh kelulusan diberikan."*

- 2.2 Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 9 Tahun 2013 (LKPPA 9/2013) yang diadakan pada 7 November 2013, memutuskan supaya Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 dikaji semula terutamanya bagi pegawai awam yang tinggal di negeri-negeri yang bersempadanan dengan Singapura, Thailand dan Brunei yang mana terdapat pegawai awam yang sering berulang-alik ke negara-negara berkenaan atas urusan persendirian. Peraturan ini sewajarnya mengambil kira hubungan baik yang telah terjalin antara Kerajaan Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

3. PINDAAN

Selaras dengan keputusan LKPPA 9/2013, peruntukan perenggan 7 SPA Bil 3/2012 dipinda seperti berikut:

*"7. Pegawai yang sering berulang alik ke luar negara jiran yang bersempadanan dengan Malaysia **kecuali ke Singapura dan Brunei**, kerana urusan persendirian juga perlu membuat permohonan melalui borang Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 1** dan borang Pengisytiharan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian di **Lampiran 2**. Pegawai Pelulus boleh dengan budi bicara memberi kelulusan menyeluruh (blanket approval) untuk tempoh satu (1) tahun mulai tarikh kelulusan diberikan. **Kelonggaran kepada pegawai yang berulang alik ke Singapura dan Brunei, dihadkan kepada enam (6) kali setahun, selebihnya pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.**"*

4. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Am ini, **para 7 di Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 adalah dipinda seperti di para 3 di atas.**

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

8 Januari 2014